

Lampiran

KENYATAAN SEBUT HARGA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

1. Tawaran adalah dipelawa daripada pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dan masih berkuat kuasa pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan seperti berikut :-

Bil	No. Sebut harga	Kerja	Kod Bidang
1	PHN.PHG.32/2020(PH)	MEMBEKAL PERALATAN KERJA LUAR BAGI TUJUAN OPERASI DAN PEMBANGUNAN HUTAN	100101 030401 210201 010501 130101 140201

2. Dokumen sebut harga akan dijual di **Kaunter Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Bahagian Operasi Hutan), Tingkat 5, Kompleks Tun Razak** bermula dari **18 Jun 2020 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dengan harga sebanyak **RM10.00 senaskah** untuk setiap sebut harga dan hendaklah dibayar di dalam bentuk Wang Pos Malaysia atau Bank Deraf Berpalang di atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara wang tunai tidak akan diterima.
3. Borang tawaran sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** dan di penjuru sampul surat tersebut hendaklah ditulis **nombor sebut harga**. Bersama dokumen sebut harga tersebut hendaklah dilampirkan salinan surat **Akuan Suruhanjaya Syarikat Malaysia** dan salinan surat **Akuan Pendaftaran Kontraktor** oleh **Kementerian Kewangan Malaysia**. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di Pejabat Perhutanan Negeri Pahang dan surat mestilah di alamatkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Bahagian Pembangunan Hutan), Tingkat 3, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990, Kuantan.
4. Tarikh tutup bagi sebut harga ini adalah pada **02 Julai 2020 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

Tarikh : 18/6/2020

